## BINCANGKAN LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH COUNT CAMILLO DE CAVOUR UNTUK PENYATUAN NEGARA ITALI

Negara bangsa merujuk kepada pembentukan Negara bangsa moden Eropah. Negara Itali dan Jerman merupakan contoh negara bangsa yang dibentuk pada abad ke 19. Itali pada mulanya terbahagi kepada beberapa wilayah. Di bahagian Utaranya, beberapa wilayah seperti Venetia dan Lombardy masih di kuasai oleh Austria, Terdapat beberapa langkah-langkah yang diambil oleh Count Camillo De Cavour untuk penyatuan negara Itali.

Cavour mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan kerajaan Piedmont dalam bidang ekonomi dan politik bagi menghadapi peperangan dengan Austria. Antara langkah yang diambil oleh Cavour ialah mengadakan pembaharuan dalam bidang pentadbiran, perdagangan dan perindustrian, agama dan komunikasi. Contohnya dalam bidang pentadbiran beliau telah menjalankan reformasi dalam bidang ketenteraan, pentadbiran dan perundangan. Beliau turut melaksanakan pembaharuan dalam bidang perdagangan dan perindustrian dengan mempelopori sistem pertanian secara saintifik, mengadakan perjanjian perdagangan, memperkenalkan industri-industri baru, menggalakkan pelabur dari luar negara melabur di Piedmont dan mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar-pakar ekonomi luar negara untuk pembangunan ekonomi Piedmont.

Penyatuan Itali tidak dapat dilakukan tanpa bantuan daripada negara lain. Oleh itu, Cavour telah menjalinkan perikatan dengan Perancis dan dalam masa yang sama pemimpin Perancis iaitu Napoleon turut berminat dalam hal ehwal negara Itali. Tujuan Cavour mengadakan perikatan dengan Perancis adalah untuk mengelakkan kewujudan perikatan antara Austria dan Perancis yang boleh mengancam kedudukan negaranya. Antara langkah di ambil untuk menjalinkan hubungan rapat antara Piedmont dengan Perancis adalah seperti mengadakan mesyuarat Plombiers pada 20 Julai 1858. Hasil mesyuarat tersebut, Napoleon mencadangkan penubuhan sebuah kerajaan di bawah pemerintahan Victor Enimanuel di utara Itali, sebuah kerajaan ditubuhkan di bahagian tengah dan selatan Itali di bawah pimpinan Paus, Napoleon bersetuju untuk membantu Piedmont sekiranya terlibat dalam peperangan dengan Austria, dan wilayah Nice dan Savoy akan diserahkan kepada Perancis sebagai balasan kepada bantuan yang diberikan.

Selain itu, Cavour juga melibatkan Piedmont dalam hal ehwal yang berlaku di luar negara sebagai salah langkah penyatuan Itali. Cavour berpendapat kuasa-kuasa Eropah akan membantu Itali menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara tersebut jika negara tersebut memainkan peranan aktif dalam hal ehwal antarabangsa. Pada bulan Disember 1855, Perancis dan Britain menjemput Piedmont untuk menyertai peperangan Crimea. Walaupun kabinet Piedmont menolak idea tersebut, namun Cavour inginkan penyertaan Piedmont dalam peperangan tersebut.

Persatuan Nasional ditubuhkan untuk menyatukan kumpulan-kumpulan yang berjuang menyatukan Itali. Persatuan ini menggunakan moto “Kemerdekaan, Perpaduan dan Kebebasan Perlembagaan di bawah pemerintahan Dinasti Savoy.” Persatuan ini dipimpin oleh Pallavincio, La Farina, Garibaldi dan Daniele Manin. Golongan nasionalis ini sedar

This study source was downloaded by 100000892086212 from CourseHero.com on 10-17-2024 03:01:58 GMT -05:00

https://www.coursehero.com/file/75085436/SEJARAH-1-12-2020docx/

bahawa mereka memerlukan satu persatuan atau organisasi bagi menyelaraskan usaha penyatuan Itali. Tokoh-tokoh ini berpendapat Cavour merupakan rakan sekutu yang amat penting dalam usaha untuk menyelaraskan kegiatan pergerakan kebangsaan Itali dan mereka telah mengadakan rundingan sulit dengan Cavour.

Akhir sekali Selepas mesyuarat di Plombieres, Cavour membuat perancangan untuk mencetuskan ketegangan antara Piedmont dan Austria dengan mengambil beberapa tindakan yang ternyata bertentangan dengan kepentingan Austria. Langkah-langkah yang berbentuk provokatif diambil oleh Cavour agar Austria memulakan peperangan ialah memutuskan hubungan diplomatik dengan Vienna pada bulan Februari 1857 setelah Vienna bertindak melucutkan jawatan seorang senator Sardinia daripada kerajaan Lombardy. Beliau mengarahkan Menteri Kewangan, La Marmora mengumpul dana bagi menghadapi peperangan apabila Austria mula melakukan persediaan untuk melancarkan peperangan terhadap Piedmont pada awal tahun 1859. Tindakan Austria dijadikan alasan oleh Cavour untuk melakukan persediaan untuk menghadapi serangan Austria dan ini telah mendorong Austria untuk memulakan peperangan.

Kesimpulannya terdapat beberapa langkah yang diambil oleh Count Camillo De Cavour untuk menyatukan negara Itali.

This study source was downloaded by 100000892086212 from CourseHero.com on 10-17-2024 03:01:58 GMT -05:00

https://www.coursehero.com/file/75085436/SEJARAH-1-12-2020docx/